

11 DEC 1998

Asean-Deklarasi (Politik)/I

ASEAN AKAN JALIN HUBUNGAN KONSTRUKTIF DENGAN KUASA BESAR

Oleh: E.Sivabalan

HANOI, 11 Dis (Bernama) -- Pemimpin Asean akan menandatangani Deklarasi Hanoi pada persidangan kemuncak keenam Asean minggu depan, yang menyeru jalinan hubungan jangka panjang dengan kuasa-kuasa besar yang berlandaskan kepada syarat-syarat tertentu.

Antara syarat-syarat itu ialah tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota pertubuhan itu.

Syarat lain termasuk hubungan itu hendaklah diasaskan kepada rasa persamaan, saling hormat-menghormati dan untuk faedah bersama, menurut draf deklarasi yang akan dikeluarkan pada akhir persidangan kemuncak Hanoi pada 16 Dis.

Para pemimpin itu akan menyambut baik segala usaha untuk menjalin "hubungan konstruktif" dengan kuasa-kuasa besar, katanya.

Pertubuhan itu juga akan mempertingkatkan kerjasama dan hubungan dialog dengan negara lain di samping pertubuhan serantau dan antarabangsa dengan berlandaskan syarat-syarat yang sama.

Beberapa negara Asean baru-baru ini melahirkan kebimbangan terhadap tindakan sesetengah kuasa besar yang didakwa mencampuri urusan dalaman masing-masing.

Kes terbaru ialah apabila Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore menyatakan sokongannya kepada apa yang dikatakan gerakan reformasi di Malaysia dan Indonesia.

Sesetengah negara Asean juga melahirkan rasa bimbang masing-masing ekoran kenyataan Ketua Panglima AS bagi Pasifik, Laksamana Joseph Prueher yang mencadangkan awal bulan ini supaya negara Asean mengkaji semula komitmen masing-masing kepada dasar tidak campur tangan terhadap hal ehwal dalaman sesama negara anggota.

Sebagai usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan antara negara anggota dan keselamatan serantau, para pemimpin Asean akan "memperkuatkan lagi keyakinan terhadap negara kita dengan terus memelihara hubungan persahabatan di kalangan kita dan mengukuhkan lagi keselamatan rantau ini."

Untuk mencapai matlamat itu, mereka akan mempercepatkan pengesahan Protokol Kedua dalam Perjanjian Persahabatan Dan Kerjasama di Asia Tenggara untuk membolehkan negara bukan serantau turut mematuhi perjanjian itu dengan secepat mungkin.

Para pemimpin itu juga akan mencapai persetujuan untuk meningkatkan rundingan dengan negara-negara kuasa nuklear dengan tujuan supaya mereka mematuhi Perjanjian Mengenai Asia Tenggara Sebagai Zon Bebas Senjata Nuklear.

Mereka akan memberi penekanan sekali lagi kepada keazaman untuk menyelesaikan apa-apa masalah dan mengelakkan daripada timbulnya pertelingkahan mengikut "cara Asean" dan selaras dengan undang-undang dan amalam antarabangsa.

Mengenai tuntutan bertindih terhadap kepulauan Spratly di Laut China Selatan, para pemimpin itu akan menggalakkan usaha untuk menyelesaikan pertelingkahan berkenaan dengan cara aman.

Ini selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuk konvensyen 1982 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai undang-undang laut dan mengikut semangat Deklarasi Asean Mengenai Laut China Selatan.

Para pemimpin Asean juga akan terus bekerjasama dan meningkatkan lagi kemampuan Asean dalam bidang sains dan teknologi, terutama teknologi maklumat dengan memajukan Infrastruktur Maklumat Asean.

Mereka akan meneru supaya diperkukuhkan dan digalakkan hubungan antara institusi Asean dalam usaha mencegah penggunaan dan pengedaran dadah untuk menghapuskan kegiatan pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan penggunaan dadah menjelang tahun 2020.

Pemimpin Asean yang akan menandatangani deklarasii itu ialah Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Presiden Indonesia B.J.Habibie, Perdana Menteri Laos Sisavath Keobounphanh, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Myanmar Jen Than Shwe, Presiden Filipina Joseph Estrada, Perdana Manteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai dan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai.

-- BERNAMA

ES RM NMO